



## KERATAN AKHBAR 26 February 2016

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mex2 sembilan premis ingkar dirobuhkan
Muka Surat	:	27

# Mex2: Sembilan premis ingkar dirobuhkan

**SEPANG 25 Feb.** - Pejabat Daerah dan Tanah Sepang (PDTS) telah merobuhkan sembilan premis masing-masing premis makanan, kilang papan, kilang besi; bengkel perabot; bangsal kebun dan penempatan pekerja warga asing di sekitar pekan Dengkil selepas mengingkari arahan pengosongan oleh PDTS.

Difahamkan, notis pengosongan sudah diedarkan kepada pemilik premis sejak September tahun lalu, namun premis berkenaan masih beroperasi seperti biasa.

PDTS terpaksa bertindak agresif dengan mengeluarkan notis arahan pengosongan tapak dalam tempoh 14 hari bermula 1 Februari lalu sebelum operasi merobuhkan struktur dan binaan dilakukan hari ini.

Jurucakap PDTS memberitahu, arahan pengosongan premis dan merobuhkan binaan dilakukan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Lebuh Raya Maju Expressway 2 (Mex2) sepanjang 18 kilometer yang dijangka bermula

pada Mac ini.

Beliau berkata, pihaknya sebelum ini sudah menghantar notis pengosongan termasuk peringatan berkala kepada pemilik sembilan premis berkenaan namun tidak diendahkan.

"Kami menerima aduan daripada pihak Lebuh Raya Maju Expressway Sdn. Bhd. (Mex) pada 21 Mei lalu sebelum arahan dan notis pengosongan dikeluarkan. Tanah berkenaan adalah tanah kerajaan yang dicadangkan untuk pembinaan Mex2.

"Bagaimanapun, selepas tanah berkenaan diambil pada tahun 2000, projek pembinaan itu terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu menyebabkan tanah kosong itu ditawarkan sementara bagi tujuan pembukaan premis dan perniagaan," katanya.

Tambah jurucakap itu lagi, tindakan penguatkuasaan dan perobohan binaan itu mendapat kebenaran Kerajaan Negeri Selangor selepas dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sel-

angor (MMKN).

Menurutnya, seramai 80 pegawai dan kakitangan pelbagai agensi yang menyertai operasi bermula pukul 8 pagi ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM); Jabatan Kerja Raya (JKR); Majlis Perbandaran Sepang; Tenaga Nasional Berhad (TNB); Mex; Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas).

"Operasi berjalan lancar tanpa sebarang kekecohan dan anggota operasi turut bersama-sama dengan pemilik serta pekerja premis untuk mengosongkan premis sebelum dirobuhkan," katanya.

Mengulas mengenai isu berlainan jurucakap itu memberitahu, mesyuarat pada 16 Februari lalu turut memutuskan supaya tindakan meroboh kuil kecil Seri Naga Puthuamman dan Kuil Karumariamman di Kampung Orang Asli Bukit Bangkung, di sini ditangguhkan selama dua minggu bagi memberi ruang kepada pihak berkepentingan menyelesaikan isu berkenaan.